

'Perolehan helikopter secara pajakan lebih telus'



Kaedah bolehkan rundingan antara kerajaan dibuat tanpa perlu ejen

Oleh Farah Marshita Abdul Patah
farahmarshita@bh.com.my

Kuala Lumpur: Perolehan helikopter untuk kegunaan pelbagai agensi kerajaan dan keselamatan negara yang dibuat secara pajakan disifatkan lebih telus, selain dapat mengurangkan beban kewangan negara, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, kaedah pajakan itu membolehkan rundingan dibuat antara kerajaan dengan kerajaan tanpa perlu mengguna khidmat ejen.

Beliau berkata, Perdana Menteri Itali, Giorgia Meloni, turut memberi jaminan akan mem-

beri kerjasama penuh dalam memenuhi kontrak pajakan helikopter Leonardo itu memandangkan negara itu mempunyai 30 peratus saham dalam syarikat pengeluarannya.

"Pajakan membantu kerajaan mengelak beban penyelenggaraan yang menjadi masalah besar. Berbilion ringgit setahun untuk keperluan bahan penyelenggaraan dan kerosakan semula jadi

"Sebab itu, saya setuju teruskan keputusan pajakan yang sudah dibuat sebelumnya, cuma kita perluaskan, tetapi ia bukan rundingan terus, sebaliknya kita buat Proses Permintaan Untuk Cadangan," katanya ketika Sesi Soal Jawab Perdana Menteri di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab soalan Datuk Seri Ikmal Hisham Abdul Aziz (PN-Tanah Merah) mengapa kontrak sewaan pesawat helikopter untuk Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang dilaksanakan secara pajakan tidak ditawarkan secara tender terbuka antarabangsa atau dilaksana-

kan secara 'G to G' (Government to Government).

Keupayaan modal tinggi

Mengulas lanjut, Anwar berkata, RFP itu adalah di bawah Kerjasama Awam Swasta dan diselaraskan Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS).

"RFP meminta semua syarikat mempunyai keupayaan, empat yang utama, siapa yang memenuhi. Akhirnya, yang hanya mampu dengan kewangan dan mempunyai Sijil Perakuan Pengendali Udara (AOC), maka dipilih Weststar Aviation Sdn Bhd.

"Penilaian itu tertakluk kepada keupayaan modal yang agak tinggi, sebanyak RM122 juta dan itu tidak dipenuhi oleh banyak syarikat lain. Sekarang ini Weststar sudah mempunyai 28 helikopter dengan Leonardo daripada kontrak yang lama dan puluhan kontrak dengan Saudi menggunakan pengalaman yang ada," katanya.

Anwar berkata, dalam hal perolehan helikopter itu, syarat

kerajaan adalah mengumpulkan semua keperluan dalam negara.

Katanya, 12 diperlukan untuk Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM), tujuh untuk Polis Diraja Malaysia (PDRM), Tentera Darat Malaysia (TDM) dan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dan sebuah untuk kegunaan Jabatan Perdana Menteri (JPM).

"Kalau ada keperluan satu jenis helikopter, apakah perlu tiap badan Angkatan Darat, Laut, Udara termasuk Polis Diraja Malaysia, Bomba berunding secara berasingan.

"Jadi, kita ambil senarai, kesemua yang memerlukan helikopter, daripada masing-masing guna ejen, berunding atau tender berasingan. Kita kumpulkan semua, supaya kos lebih terkawal," katanya.

Beliau berkata, Singapura, Indonesia dan Filipina turut memilih kaedah pajakan seperti yang diputuskan Malaysia ketika ini.

Katanya, menerusi konsep pa-

jakan itu syarikat perlu memastikan tahap ketersediaan dan kesiagaan helikopter yang dibekalkan pada tahap 85 peratus.

"Kita tambah lagi satu syarat, iaitu kerjasama dengan institut latihan kita, termasuk Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan TUDM.

"Kemudian, mengambil kira persiapan dan penyediaan Malaysia sebagai hab. Sekarang di Itali, Miami dan Malaysia.

"Mungkin dipilih Melaka kerana berdekatan dengan Lapangan Terbang Batu Berendam yang kita setuju untuk jadikan sebagai pusat latihan untuk helikopter Leonardo," katanya.

Dalam perkembangan berkaitan juga, Perdana Menteri menegaskan tiada negara di dunia ini yang membincangkan soal keperluan teknikal keselamatan secara umum.

Lantaran itu, beliau tidak bersetuju sekiranya isu pembelian senjata dan keistimewaan helikopter untuk ATM dibahaskan Jawatankuasa Parlimen.